

MAHATHIR - AFGHANISTAN

(1)

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENAWARKAN LEBIH BANYAK TEMPAT PENGAJIAN DI NEGARA INI KEPADA PELARIAN AFGHANISTAN.

TAWARAN ITU DIBUAT DALAM PERTEMUANNYA DENGAN PEMIMPIN MUJAHIDIN, ENCIK GUBULDIN HEKMATYAR DI PEJABATNYA DI SINI HARI INI.

TIMBALAN MENTERI LUAR, ENCIK ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR, YANG TURUT HADIR DALAM PERJUMPAAN ITU, MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA PADA MASA INI 15 ORANG PELAJAR AFGHANISTAN MENUNTUT DI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA DI SINI.

ENCIK ABDUL KADIR BERKATA PERDANA MENTERI JUGA MELAHIRKAN RASA +TERKEJUT+ MENGENAI PEMBABITAN TENTERA YAMAN SELATAN DALAM SERANGAN TERHADAP ASKAR-ASKAR MUJAHIDIN.

KATANYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU ENCIK GUBULDIN BAHAWA SELURUH RAKYAT MALAYSIA BERDOA DAN BERHARAP MUJAHIDIN AFGHANISTAN AKAN BERJAYA DALAM JIHAD MEREKA TERHADAP TENTERA PENDUDUKAN KOMUNIS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENANYAKAN KEDUDUKAN PERALATAN TENTERA MUJAHIDIN. -- LAGI
1855MST 10 09 85

MAHATHIR - AFGHANISTAN 2 KUALA LUMPUR

(1)

DALAM PERJUMPAAN ITU, ENCIK GUBULDIN BERKATA KIRA-KIRA SEJUTA ORANG RAKYAT +MATI SYAHID+ DAN JUMLAH LEBIH BESAR CACAT DAN CEDERA SEHINGGA INI.

KATANYA, PEJUANG-PEJUANGNYA KINI DILENGKAPI DENGAN SENJATA-SENJATA MODEN DAN SOFISTIKATED, YANG 80 PERATUS DARIPADANYA DIRAMPAS DARIPADA MUSUH.

ENCIK ABDUL KADIR BERKATA ENCIK GUBULDIN MENYATAKAN BAHAWA TIGA JUTA ORANG RAKYAT AFGHANISTAN MELARIKAN DIRI KE PAKISTAN DAN 1.5 JUTA ORANG LAGI KE IRAN MANAKALA YANG MASIH BERADA DI AFGHANISTAN MERUPAKAN +PELARIAN-PELARIAN BERGERAK+ KERANA MEREKA TERPAKSA MELARIKAN DIRI DARIPADA TENTERA KOMUNIS DARI SEBUAH KAWASAN KE SEBUAH KAWASAN YANG LAIN.

ENCIK GUBULDIN BERTERIMA KASIH KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN KERAJAAN MALAYSIA KERANA MEMBENARKAN ITTIHAD MUJAHIDIN AFGHANISTAN MEMBUKA PEJABAT DI SINI, NEGARA PERTAMA YANG MEMBERIKAN KEMUDAHAN ITU.

TERDAHULU, PERWAKILAN AFGHANISTAN MENGUNJUNGI TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM. -- LAGI.
1910MST 10 09 85

MAHATHIR - AFGHANISTAN 3 KUALA LUMPUR

(1)

SEMENTARA ITU, ENCIK GUBULDIN TELAH DIBERI PENGHORMATAN MELANCARKAN KURSUS DAKWAH PEMUDA UMNO DAN RAPAT UMUM MENYOKONG MUJAHIDIN AFGHANISTAN DI MASJIS KAMPUNG BARU, DI SINI, SABTU INI.

ENCIK GUBULDIN AKAN JUGA MENJADI TETAMU KEHORMAT PADA BEBERAPA RAPAT UMUM YANG AKAN DIANJURKAN OLEH PERGERAKAN PEMUDA UMNO DI JOHOR DAN KELANTAN, KATA SEORANG ANGGOTA JAWATANKUASA PENGANJUR, ENCIK IBRAHIM ALI. -- BERNAMA
1911MST 10 09 85